NUKLEAR MALAYSIA

N.U.R
NUKLEAR UNTUK RAKYAT

Catalogue of Technical Services & Consultancy, Malaysian Nuclear Agency

KATALOG PERKHIDMATAN TEKNIKAL & RUNDINGAN

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA



ASPIRASI PENGKOMERSIALAN TEKNOLOGI NUKLEAR

ASPIRATION FOR THE COMMERCIALIZATION OF NUCLEAR TECHNOLOGY



Cetakan Pertama 2023
Hak cipta Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia), 2023

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam katalog ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakam dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Nuklear Malaysia terlebih dahulu.

Diterbitkan Oleh:
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA (NUKLEAR MALAYSIA)
43000 KAJANG, SELANGOR
MALAYSIA



1st Edition 2023
Copyright Malaysian Nuclear Agency (Nuklear Malaysia), 2023

All rights reserved. Any part of this catalog may not be reproduced, stored in a way that can be used again, or transferred in any form or by any means, either by electronic, mechanical, re-photographing, recording and via other means without obtaining permission from Nuklear Malaysia first.

Published by:
MALAYSIAN NUCLEAR AGENCY (NUKLEAR MALAYSIA)
43000 KAJANG, SELANGOR
MALAYSIA



PERUTUSAN KETUA PENGARAH *Director General's Message*

Nuklear Untuk Rakyat (N.U.R)

Nuclear for The People (N.U.R)

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Katalog Perkhidmatan Teknikal dan Rundingan Agensi Nuklear Malaysia berjaya diterbitkan. Katalog ini dihasilkan sebagai salah satu bahan promosi pengkomersialan untuk 21 Pusat khidmat Nuklear Malaysia kepada pelanggan.

Bagi pihak pengurusan tertinggi Nuklear Malaysia, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bahagian Pengkomersilan Teknologi (BKT). Semoga dengan adanya katalog ini, ianya akan dapat meningkatkan prestasi pengkomersialan Nuklear Malaysia dan memberi maklumat kepada para pelanggan dan pemegang taruh berkaitan perkhidmatan yang ditawarkan.

With immense gratitude, I extend my heartfelt thanks to Allah SWT, whose divine blessings have paved the way for the publication of the Catalogue of Technical Services and Consultancy by the Malaysian Nuclear Agency. This comprehensive catalogue details the commercialization promotional materials for the 21 Malaysian Nuclear Agency service centres providing technical and consultancy services.

I express my deepest appreciation to the Technology Commercialization Division (BKT) for their visionary leadership and relentless efforts in crafting this invaluable resource. Their initiative has highlighted our capabilities and opened doors for us to connect with our clients on a deeper level.

Dr. Rosli Bin Darmawan, Ketua Pengarah, Agensi Nuklear Malaysia.
***Dr. Rosli bin Darmawan**, Director General, Malaysian Nuclear Agency*



PRAKATA PENGARAH BAHAGIAN PENGKOMERSILAN TEKNOLOGI (BKT)

A Message from the Director of Technology Commercialization Division (BKT)

Aspirasi Pengkomersialan Teknologi Nuklear

Aspiration for the Commercialization of Nuclear Technology

Alhamdulilah dengan izin-Nya, Bahagian Pengkomersilan Teknologi (BKT) dapat menerbitkan Katalog Perkhidmatan Teknikal dan Rundingan, Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia). Katalog terbitan ini adalah satu inisiatif BKT dalam mempromosikan aktiviti pengkomersialan; perkhidmatan teknikal dan rundingan.

Selaras dengan pelan pendigitalan negara, katalog yang dibangunkan ini juga akan diwujudkan dalam bentuk salinan lembut dan mudah dimuat turun dari laman web serta platform pendigitalan rasmi Nuklear Malaysia. Katalog ini berjaya dihasilkan dengan usahasama yang diterajui oleh pihak BKT dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), Pengurus-pengurus Pusat Khidmat serta Jawatankuasa Penerbitan.

Akhir kata, ungkapan terima kasih kepada pihak Pengurusan Tertinggi Nuklear Malaysia yang sentiasa memberi sokongan dalam aktiviti pengkomersialan yang dilaksanakan oleh BKT bagi meningkatkan ekonomi negara.

Alhamdulillah, the Technology Commercialization Division (BKT) proudly presents the Catalogue of Technical and Consultancy Services of the Malaysian Nuclear Agency. This comprehensive catalogue is a beacon of inspiration, showcasing our commercialization activities, the depth of our technical expertise, and the breadth of our consultancy services. Crafted with dedication and collaboration, it represents a collaboration involving BKT, the Information Management Division (BPM), our esteemed service centre managers, and the diligent publication committee.

We have seamlessly blended innovation and efficiency to create a tangible resource that aligns with our national digitization plan. In an era where digital accessibility is paramount, this catalogue will be available as a user-friendly soft copy, easily downloadable from our official website and Nuklear Malaysia's digitization platform.

I extend my heartfelt appreciation to our visionary top management at Nuklear Malaysia, whose unwavering support has fuelled our commercialization activities. Their encouragement has been the driving force behind our initiatives to bolster the national economy.

Dr. Rasif bin Mohd Zain, Pengarah Bahagian Pengkomersilan Teknologi (BKT)

***Dr. Rasif bin Mohd Zain**, Director, Technology Commercialization Division (BKT)*

NUKLEAR MALAYSIA

PUSAT TEKNOLOGI REAKTOR (PTR) *REACTOR TECHNOLOGY CENTER (PTR)* 01

LOJI MINTEC–SINAGAMA *MINTEC-SINAGAMA PLANT* 02

LOJI ALURTRON *ALURTRON PLANT* 03

LOJI RAYMINTEX *RAYMINTEX PLANT* 04

PUSAT KECEMERLANGAN NUKLEAR (CoNE) *CENTRE OF NUCLEAR EXCELLENCE (CoNE)* 05

PUSAT PEMBANGUNAN LOJI DAN PROTOTAIP/PUSAT INSTRUMENTASI DAN AUTOMASI (PDC/PIA) *PROTOTYPE AND PLANT DEVELOPMENT CENTRE (PDC)/ INSTRUMENTATION AND AUTOMATION CENTRE (PIA)* 06

PUSAT PEMBANGUNAN TEKNOLOGI SISA (WasTeC) *WASTE TECHNOLOGY DEVELOPMENT CENTRE (WasTeC)* 07

KUMPULAN APLIKASI PENYURIH ALAM SEKITAR (E-TAG) *ENVIRONMENTAL TRACER APPLICATION GROUP (E-TAG)* 08

MAKMAL RADIOKIMIA DAN ALAM SEKITAR (RAS) *RADIOCHEMISTRY AND ENVIRONMENT LABORATORY (RAS)* 09

KUMPULAN *NON-IONIZING RADIATION* (NIR) *NON-IONIZING RADIATION LABORATORY (NIR)* 10

MAKMAL TEKNOLOGI SINARAN (MTS) *RADIATION TECHNOLOGY LABORATORY (MTS)* 11

ISI KANDUNGAN | *Contents*

Senarai Pusat Khidmat Agensi Nuklear Malaysia

List of Services Centre, Malaysian Nuclear Agency

MAKMAL APLIKASI KIMIA ANALISIS (ACA) *ANALYTICAL CHEMISTRY APPLICATION LABORATORY (ACA)* 12

KUMPULAN FIZIK KESIHATAN (KFK) *HEALTH PHYSICS GROUP (KFK)* 13

KUMPULAN *MATERIAL STRUCTURAL INTEGRITY* (MSI-NDT) *MATERIAL STRUCTURAL INTEGRITY GROUP (MSI-NDT)*

KUMPULAN TEKNOLOGI UJIAN TANPA MUSNAH TERMAJU (LENDT) *LEADING EDGE NON-DESTRUCTIVE TESTING TECHNOLOGY GROUP (LENDT)* 14

MAKMAL TEKNOLOGI AGRO & BIOSAINS (TAB) *THE AGROTECHNOLOGY AND BIOSCIENCE LABORATORY (TAB)* 15

KUMPULAN TEKNOLOGI BAHAN (MTEG) *MATERIAL TECHNOLOGY GROUP (MTEG)* 16

KUMPULAN TEKNOLOGI PENILAIAN LOJI (PAT) *PLANT ASSESSMENT TECHNOLOGY GROUP (PAT)* 17

PUSAT KHIDMAT BEKALAN RADIOISOTOP (BRI) *RADIOISOTOPE SUPPLY SERVICE CENTER (BRI)* 18


MAKMAL FIZIK PERUBATAN (MPL) *MEDICAL PHYSICS LABORATORY (MPL)* 19

MAKMAL STANDARD DOSIMETRI SEKUNDER (SSDL) *SECONDARY STANDARD DOSIMETRY LABORATORY (SSDL)* 20

MAKMAL UJIAN BIOLOGI (BIOTEST/BIODOS) *BIOLOGICALTEST LABORATORY (BIOTEST/BIODOS)* 21







NUKLEAR MALAYSIA

PUSAT TEKNOLOGI REAKTOR (PTR)

Pusat Teknologi Reaktor (PTR) mengendalikan satu-satunya reaktor penyelidikan nuklear di Malaysia, Reaktor TRIGA PUSPATI (RTP) jenis TRIGA Mark II yang telah ditauliahkan pada 28 Jun 1982. RTP mempunyai kuasa nominal 1 MWatt yang direka untuk melaksanakan pelbagai bidang penyelidikan berasaskan sumber neutron, khidmat penyinaran untuk aplikasi nuklear di dalam bidang industri, perubatan dan alam sekitar termasuk untuk pendidikan dan latihan dalam teknologi reaktor nuklear. RTP dilengkapi dengan kemudahan penyinaran di dalam teras, instrumentasi alur neutron dan makmal. Kemudahan penyinaran ini menawarkan khidmat penyinaran neutron secara tetap dan stabil. RTP dilesenkan mengikut Akta 304 dan dikendalikan oleh Pengendali Reaktor yang bertauliah bagi menjamin keselamatan pada tahap tertinggi.

KEMUDAHAN PENYINARAN DALAM TERAS RTP:

1. Jidal Tengah (CT)
2. Rak Berputar (RR)
3. Tiub Kering (DT)
4. Sistem Pemindahan Pneumatik (PTS)

KEMUDAHAN PENYINARAN INSTRUMENTASI ALUR NEUTRON:

1. Radiografi Neutron (NUR)
2. Difraktometer Neutron (ND)
3. Penyerakan Neutron Bersudut Kecil (SANS)

KEMUDAHAN MAKMAL:

1. Makmal Fizik Neutron
2. Makmal Simulasi Reaktor TRIGA
3. Makmal Simulasi Reaktor Nuklear Berasaskan Komputer









Dr. Julia binti Abdul Karim
Pengurus Pusat Teknologi Reaktor (PTR)
(Manager, PTR Service Centre)
julia@nm.gov.my
+603-8911 2000 ext 1734

REACTOR TECHNOLOGY CENTER (PTR)

The Reactor Technology Centre (PTR) operates Malaysia's only nuclear research reactor, the Reaktor TRIGA PUSPATI (RTP). The TRIGA Mark II-type reactor was commissioned on June 28, 1982. It has a nominal power of 1 MWatt and designed to facilitate various neutron-based research. It provides irradiation services for nuclear applications in industries, medicine, and environmental sectors. It also supports education and training in nuclear reactor technology. The RTP is equipped with an in-core irradiation facility, neutron beam instrumentation, and laboratories. The facility provides persistent and stable neutron irradiation services. The RTP is licensed under Act 304 and is operated by certified Reactor Operators to ensure the highest level of safety.

IN-CORE IRRADIATION FACILITIES:

1. *Central Thimble (CT)*
2. *Rotary Rack (RR)*
3. *Dry Tube (DT)*
4. *Pneumatic Transfer System (PTS)*

NEUTRON BEAM INSTRUMENTATION FACILITIES:

1. *Neutron Radiography (NUR)*
2. *Neutron Diffractometer (ND)*
3. *Small Angle Neutron Scattering (SANS)*

LABORATORIES FACILITIES:

1. *Neutron Physics Laboratory*
2. *TRIGA Reactor Simulator Laboratory*
3. *PC-based Nuclear Power Simulator Laboratory*







NUKLEAR MALAYSIA

LOJI MINTEC - SINAGAMA

Loji MINTec-Sinagama menggunakan tenaga pengion dalam bentuk sinaran gama daripada sumber Kobalt-60. Loji penyinaran ini beroperasi menggunakan JS10000 (IR-219) yang mampu menyinari pelbagai produk yang memerlukan dos yang berbeza secara serentak.

MINTec-Sinagama beroperasi pada skala komersial bagi pensetrilan atau dekontaminasi peranti perubatan, makanan, rempah ratus, herba dan buah-buahan.

MINTec-Sinagama juga menawarkan perkhidmatan pensterilan tisu dan tulang melalui penyinaran gama untuk tujuan perbankan tisu kepada pihak berkuasa yang berkaitan seperti hospital dan Bank Tisu Negara dan perkhidmatan pembasmian serangga dalam komoditi pertanian, termasuk untuk tujuan kuarantin.

PERKHIDMATAN PENYINARAN MINTec-SINAGAMA:

1. Pensterilan Peranti Perubatan, Bahan Pembungkusan dan Makmal
2. Pensterilan Produk Farmaseutikal
3. Produk Veterinar
4. Makanan, Herba dan Rempah
5. Produk Kosmetik
6. Sampel untuk tujuan R&D

PENGIKTIRAFAN:

1. ISO 9001
2. ISO 13485
3. Lesen Premis Iradiasi Makanan

Logo RADURA
RADURA Logo

TREATED BY IRRADIATION



Pensijilan ISO 9001
ISO 9001Certificate



Pensijilan ISO 13485
ISO 13485 Certificate



Lesen Premis
Iradiasi Makanan





Syuhada binti Ramli
Pengurus Pusat Khidmat Loji SINAGAMA
(Manager, SINAGAMA Plant Service Centre)
syuhada@nm.gov.my
+603-8911 2000 ext 1305

MINTEC - SINAGAMA PLANT

MINTec-Sinagama Irradiation Plant irradiates gamma radiation derived from Cobalt-60 source. The irradiation plant employs JS10000 (IR 219) irradiator, that can simultaneously irradiate various products requiring different doses.

The gamma irradiation plant offers commercial services for sterilisation, and decontamination of medical devices, food, spices, herbs, and fruits.

It also provides tissue and bone sterilisation services via gamma irradiation for tissue banking purposes to hospitals and the National Tissue Bank and is also involved in eradicating insects in agricultural commodities, including for quarantine purposes.

MINTEC - SINAGAMA IRRADIATION SERVICES:

1. *Sterilisation of Medical Devices, Packaging Materials and Laboratories*
2. *Sterilisation of Pharmaceutical Products*
3. *Veterinary Products*
4. *Food, Herbs and Spices*
5. *Cosmetic Products*
6. *Samples for R&D purposes*

RECOGNITION:

1. *ISO 9001*
2. *ISO 13485*
3. *Food Irradiation Premises License*







NUKLEAR MALAYSIA

LOJI ALURTRON

Loji ALURTRON menawarkan khidmat penyinaran alur elektron (EB) ke atas produk untuk tujuan taut silang, pengubahsuaian polimer, rawatan permukaan, rawatan air, litografi, pendopan elektron dan lain-lain tujuan untuk menyokong pertumbuhan sektor industri dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D). Proses penyinaran menghasilkan keseragaman dos yang baik, output yang tinggi dalam masa yang pantas dengan kos operasi yang rendah dan mesra alam. ALURTRON juga menyediakan perkhidmatan ujian makmal dan diperakui dengan pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001.

PERKHIDMATAN PENYINARAN ALURTRON:

1. Wayar/kabel dan tiub Polimer
2. Wafer Silikon Semikonduktor
3. Filem dan Lembaran
4. Produk Hidrogel
5. Pembangunan Produk Baru (R&D)

UJIAN MAKMAL DAN KAWALAN KUALITI:

1. Ujian *Hot Set*
2. Ujian *Gel Content*
3. Ujian Dosimetri



Penyinaran produk
Product irradiation

Sijil Akreditasi
MS QMS ISO 9001

QMS ISO 9001 Accreditation Certificate



CERTIFICATE

SIRIM QAS International hereby certifies that

MALAYSIAN NUCLEAR AGENCY (NUKLEAR MALAYSIA),
ALURTRON BANGI
KAJANG
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

has implemented a Quality Management Systems complying with

ISO 9001:2015
QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS – Requirements

Scope of Certification

PROVISION OF ELECTRON BEAM IRRADIATION SERVICES FOR COMMERCIAL PRODUCTS.

Issue date : 07 September 2022
Original certification date : 10 August 2007
Expiry date : 09 August 2025
Certificate no. : QMS 01766

Nur Fadhlah Muhammad
Chief Executive Officer
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.












Siti Zulaiha binti Hairaldin
Pengurus Pusat Khidmat Loji ALURTRON
(Manager, ALURTRON Plant Service Centre)
sitizulaiha@nm.gov.my
+6019-3477 372

ALURTRON PLANT

ALURTRON offers Electron Beam (EB) irradiation services on products for chemical crosslinking, polymer modification, surface treatment, water treatment, lithography, and electron doping and other purposes to support the growth of the industrial/commercial sector and research and development (R&D) activities. The irradiation process produces high dose uniformity, high throughput and fast process at low operating cost and is environmentally friendly. ALURTRON also provides laboratory testing services and is certified to Quality Management System QMS ISO 9001.







ALURTRON IRRADIATION SERVICES:

1. *Wire/cable and polymer tube*
2. *Silicon wafer semiconductor*
3. *Film and sheet*
4. *Hydrogel products*
5. *New product development (R&D)*

LABORATORY TESTING AND QUALITY CONTROL:

1. *Hot Set Test*
2. *Gel Content Test*
3. *Dosimetry Test*








NUKLEAR MALAYSIA

LOJI RAYMINTEX

Loji RAYMINTEX merupakan sebuah kemudahan perintis untuk tujuan penyediaan lateks getah asli pra-pemvulkanan dengan sinaran (RVNRL) melalui penggunaan sinaran gama. Ia merupakan sebuah kemudahan semi automatik yang mampu menghasilkan sehingga 6000 tan RVNRL setahun, dengan menggunakan punca sinaran kobalt-60 sehingga 1 MCi. RVNRL ini dapat memenuhi keperluan sektor pembuatan produk celupan lateks dan industri berkaitan secara berkesan sambil menggalakkan promosi dan pemindahan teknologi RVNRL.

Lateks getah asli perlu divulkan sebelum digunapakai dalam industri. RVNRL yang dihasilkan di Loji RAYMINTEX merupakan lateks tervulkan dengan sinaran gama yang mempunyai sifat fizikal dan mekanikal untuk memenuhi keperluan/ spesifikasi pelbagai produk celupan lateks seperti sarung tangan, belon, sarung jari, puting bayi, pelapik gigi dan lain-lain.

Loji RAYMINTEX telah membangun dan melaksanakan sistem pengurusan kualiti ISO 9001 dan diperakui oleh badan pensijilan LRQA pada tahun 2003.



Pemvulkanan Lateks Getah Asli
Vulcanization of Natural Rubber Latex



Certificate of Approval

This is to certify that the Management System of:

Raymintex Plant, Malaysian Nuclear Agency (Nuclear Malaysia)

Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

has been approved by Lloyd's Register to the following standards:

ISO 9001:2015


Approval number(s): ISO 9001 – 00441561

The scope of this approval is applicable to:

Production of pre-cutsumer natural rubber latex by using gamma radiation.

Luis Coelho
Area Operations Manager - SAMEA
Issued by: LRQA Malaysia Sdn Bhd

Pensijilan ISO 9001:2015
ISO 9001:2015 Certificate









Mohd Noorwadi bin Mat Lazim
Pengurus Pusat Khidmat Loji RAYMINTEX
(Manager, RAYMINTEX Plant Service Centre)
noorwadi@nm.gov.my
+603-8911 2000 ext 1927

RAYMINTEX PLANT

The RAYMINTEX plant is a pilot facility that uses gamma ray for the preparation of Radiation Pre-vulcanised Natural Rubber Latex (RVNRL). It is a semi-automated plant capable of producing 6000 tons of RVNRL annually, which is realised by harnessing the power of cobalt-60 radioactive sources of up to 1 MCi. RVNRL is critical to the latex-dipped product manufacturing sectors and related industries, as it effectively addresses customer requirements while fostering promotion, commercialisation, and the transfer of RVNRL technology.

Natural rubber latex needs to be vulcanised before being used in industries. The RVNRL produced at the RAYMINTEX Plant is a radiation pre-vulcanised natural rubber latex that possesses the physico-mechanical properties meeting the requirements/ specifications of a broad spectrum of latex-dipped products such as gloves, balloons, finger cots, baby pacifiers, dental pads and more.

The plant is ISO 9001 certified by the LRQA certification body since 2003.







NUKLEAR MALAYSIA

PUSAT KECEMERLANGAN NUKLEAR (CoNE)

Pusat Kecemerlangan Nuklear (CoNE) merupakan sebuah pusat latihan awam kerajaan di bawah Nuklear Malaysia yang bertanggungjawab untuk melaksanakan program latihan dalam bidang teknologi nuklear dan teknologi berkaitan kepada kumpulan profesional, warga industri awam-swasta, belia dan masyarakat. Matlamatnya untuk meningkatkan kemahiran yang diperlukan, menggalakkan kesedaran keselamatan dan mewujudkan tenaga kerja yang cekap dalam memainkan peranan yang lebih besar dalam agenda pembangunan negara. Program latihan ang ditawarkan merangkumi tujuh (7) Sektor Latihan iaitu Keselamatan Sinaran dan Kesihatan, Sinaran Perubatan, Ujian Tanpa Musnah, Keselamatan Persekitaran dan Kesihatan, Sains Nuklear dan Kejuruteraan, Pengurusan Teknologi dan Latihan Antarabangsa.

PERKHIDMATAN CoNE:

1. Melatih (*facilitate learning*) tenaga kerja dalam bidang berkaitan teknologi nuklear dan teknologi berkaitan melalui Program Latihan Awam, Program Serantau, Program Bersekutu/Kerjasama Latihan, Program Asas Agensi & Konsortia, Sangkutan Penyelidikan dan Program *E-Learning*.
2. Merekabentuk dan membangunkan produk latihan yang memfokuskan kepada keperluan pelanggan dan kehendak pasaran.
3. Menawarkan, mengendali dan menyelaras program latihan, bengkel, seminar, persidangan, simposium dan sebagainya.
4. Menyediakan khidmat profesional dalam aktiviti berkaitan latihan diperingkat tempatan dan luar negara.

PENGIKTIRAFAN/ *Recognition*:

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
KEMENTERIAN KEWANGAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JABATAN TENAGA ATOM
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
IAEA International Atomic Energy Agency
MBOT LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA
CIDB MALAYSIA
SGS ACB QMS 04
SGS UKAS
MY06/0164
MY06/00734
ISO 9001:2015 since July 2018







Nor Hadzalina binti Sukarseh
Pengurus Pusat Kecemerlangan Nuklear (CoNE)
(Manager, Centre of Nuclear Excellence (CoNE))
hadza@nm.gov.my
+6019-3434 122

CENTRE OF NUCLEAR EXCELLENCE (CoNE)

The Centre of Nuclear Excellence (CoNE) is a government public training centre operated under Nuklear Malaysia. It is responsible for conducting training programs in nuclear technology and related technologies for professionals, public-private industries, and the individuals. It aims to upskill, promote safety awareness, and establish a competent workforce to play a more significant role in the national development agenda. Training programs are divided into seven (7) Sectors: Radiation Safety and Health, Medical Radiation, Non-Destructive Testing, Environmental Safety and Health, Nuclear Science and Engineering, Technology Management, and International Training.

CoNE SERVICES:

1. *Train (facilitate learning) professionals in fields related to nuclear technology through Public Training Programs, Regional Programs, Associated/Cooperation Training Programs, In-company and consortium Programs, Scientific Attachment, and E-Learning Programs.*
2. *Design and develop training products that are market-driven and focus on customer needs.*
3. *Offer, organise and coordinate training programs, workshops, seminars, conferences, and symposiums.*
4. *Provide professional services in training-related activities nationally and internationally.*







NUKLEAR MALAYSIA

PUSAT PEMBANGUNAN LOJI DAN PROTOTAIP/PUSAT INSTRUMENTASI DAN AUTOMASI (PDC/PIA)

Pusat Pembangunan Loji dan Prototaip/Pusat Instrumentasi dan Automasi (PDC/PIA) menjalankan penyelidikan dan pembangunan kejuruteraan berkaitan teknologi nuklear dan teknologi berkaitan termasuk penginstrumentasian, pengautomasian dan memberikan perundingan kejuruteraan serta khidmat sokongan teknikal.

PDC/PIA juga menawarkan perkhidmatan rekabentuk dan pembuatan dalam membangunkan penggunaan teknologi nuklear. Selain itu, PDC/PIA menawarkan perkhidmatan pembangunan prototaip dan sistem automasi serta latihan penyenggaraan instrumentasi nuklear.

PERKHIDMATAN PDC/PIA:

1. Rekabentuk Pintu Plumbum dan Perisai Sinaran
2. Rekabentuk Bilik Penyinaran
3. Pembuatan Kaca Makmal
4. Rekabentuk Prototaip dan Komponen
5. Pemesinan Bahan Logam dan Plastik
6. Peleburan Plumbum Menggunakan Relau
7. Sel Aktif Mudah Alih
8. Peleraian Peralatan/Mesin Penyinaran bagi Tujuan Pelupusan
9. Latihan Penyenggaraan Instrumentasi Nuklear







Mohd Rizal bin Mamat @ Ibrahim
Pengurus Pusat Khidmat PDC/PIA
(Manager, PDC/PIA Service Centre)
m_rizal@nm.gov.my
+603-8911 2000 ext 1717

PROTOTYPE AND PLANT DEVELOPMENT CENTRE/ INSTRUMENTATION AND AUTOMATION CENTRE (PDC/PIA)

PDC/PIA conducts engineering research and development in nuclear and related technologies, encompassing instrumentation and automation and provides engineering consultancy and technical support services.

PDC/PIA offers design and fabrication services pertaining to nuclear technology. PDC/PIA also offers prototype and automation system development services and nuclear instrumentation maintenance training.

PDC/PIA SERVICES:

1. *Lead door and radiation shielding design*
2. *Irradiation room design*
3. *Laboratory glass blowing*
4. *Prototype and component design*
5. *Metal and plastic machining*
6. *Lead smelting using a furnace*
7. *Mobile Hot Cell*
8. *Dismantling of irradiation equipment/machines for disposal purposes*
9. *Nuclear instrumentation maintenance training*







NUKLEAR MALAYSIA

PUSAT PEMBANGUNAN TEKNOLOGI SISA (WasTeC)

Pusat Pembangunan Teknologi Sisa (WasTeC) adalah Pusat Pengurusan Sisa Radioaktif Kebangsaan yang telah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan bagi pengurusan sisa radioaktif di Malaysia. WasTeC menjalankan khidmat pungutan, penanggalan, pengkondisian, penyimpanan dan pelupusan sisa radioaktif yang diperolehi dari industri pembuatan, hospital, sekolah, institusi pengajian dan makmal-makmal penyelidikan. WasTeC juga menawarkan perkhidmatan dalam bidang pengurusan sisa pepejal perbandaran (MSW).

PERKHIDMATAN WasTeC:

- Pelupusan sisa radioaktif jenis pepejal, cecair dan sisa radioaktif jenis punca terkedap terpakai (DSRS).
- Pelupusan alat penangkap kilat dan alat pengesan asap.
- Khidmat pungutan, penanggalan, pengkondisian, pengangkutan, penyimpanan dan pelupusan sisa radioaktif.
- Analisis pencirian sisa pepejal perbandaran mengikut kaedah ASTM (persampelan, analisis proksimat dan penentuan nilai kalori).
- Analisis tingkah laku pembakaran (*combustion characterization*) sisa pepejal (termasuk plastik, kertas dan bahan organik).
- Khidmat perundingan konsep 'Sisa kepada Tenaga' melalui teknologi rawatan terma.







Sijil Pengiktirafan
MS ISO 9001:2015

Certified with MS ISO 9001:2015









Nurul Wahida binti Ahmad Khairuddin
Pengurus Pusat Khidmat (WasTeC)
(Manager, WasTeC Service Centre)
nwahida@nm.gov.my
+603-8911 2000 ext 1102

WASTE TECHNOLOGY DEVELOPMENT CENTRE (WasTeC)

WasTeC is the National Radioactive Waste Management Centre that has been entrusted by the government for the management of radioactive waste in Malaysia. WasTeC provides collection, dismantling, conditioning, storage and disposal of radioactive waste obtained from the manufacturing industry, hospitals, schools, educational institutions and research laboratories. WasTeC also offers services in the field of municipal solid waste management (MSW).

WasTeC SERVICES:

- *Disposal of various types of radioactive waste – solid, liquid and disused sealed radioactive sources (DSRS).*
- *Disposal of lightning arrestor and smoke detector.*
- *Collection, dismantling, conditioning, transportation, storage and disposal of radioactive waste.*
- *Municipal Solid Waste Characterization Analysis according to ASTM Method (sampling, proximate analysis and calorific value).*
- *Combustion Characterisation Analysis of Solid Waste (plastic, paper and organic materials).*
- *Consultation of 'Waste to Energy'.*







NUKLEAR MALAYSIA

KUMPULAN APLIKASI PENYURIH ALAM SEKITAR (E-TAG)

Kumpulan Aplikasi Penyurih Alam Sekitar (e-TAG) merupakan pusat khidmat yang menawarkan khidmat penyelidikan menggunakan teknologi nuklear dan disokong oleh teknik konvensional berkaitan. Penggunaan teknik dan aplikasi penyurih untuk kajian pengurusan air adalah satu-satunya yang terdapat di Malaysia. Penggunaan teknik penyurih dan juga teknik isotop stabil dalam kajian alam sekitar membantu dalam pengurusan serta pencirian sumber air bawah dan permukaan tanah. Penggunaan teknik ini juga telah membantu meningkatkan pengurusan sumber air di banyak negara di seluruh dunia. Teknik penyurih dan teknik konvensional seperti geofizik digunakan bersama dalam kajian penyelidikan seperti eksplorasi tapak, hidrologi, kajian '*fingerprinting*', pengukuran aliran dan arah air tanah/permukaan, sedimentologi, pencemaran air tanah dan sebagainya. e-TAG mempunyai pakar dalam bidang geologi bertauliah yang diiktiraf oleh Lembaga Ahli Geologi Malaysia.

MAKMAL UTAMA e-TAG:

1. WDXRF (*Wavelength Dispersive X-ray Fluorescence*)
2. *Liquid Water Isotope Analyser* (LWIA)

PERKHIDMATAN e-TAG:

1. Kajian '*fingerprinting*' menggunakan teknik penyurih.
2. Kajian alam sekitar menggunakan teknik geofizik:
   i. *Electrical Resistivity Imaging* – khidmat penyiasatan geologi sub-permukaan, potensi serta pencemaran air tanah, penyiasatan awal penerokaan tanah/empangan.
   ii. Seismik - kaedah penerokaan geofizik menggunakan prinsip seismologi untuk menganggarkan sifat-sifat bawah permukaan bumi daripada gelombang seismik yang dipantulkan.
3. Pengukuran aliran dan arah air tanah/permukaan (kadar aliran & halaju)
4. Kajian resapan/kebocoran.
5. Kajian punca bahan cemar di sekitaran.
6. Analisis isotop stabil 2H, 17O & 18O (cecair).
7. Penentuan elemen yang terkandung dalam unsur (cecair @ pepejal).





P.Geol. Nor Dalila binti Desa
Pengurus Pusat Khidmat e-Tag
(Manager, e-TAG Service Centre)
nordalila@nm.gov.my
+603-8911 2000 ext 1839

ENVIRONMENTAL TRACER APPLICATION GROUP (E-TAG)

The e-TAG (Environmental Tracer Application Group) service centre provides research services pertaining to nuclear technology supported by conventional techniques. Tracer techniques and applications for water management studies are only available in Malaysia. Using tracer and stable isotope techniques in environmental studies helps manage and characterise groundwater and surface water resources. This technique has also helped improve water resource management in many countries. The tracer and geophysical methods are used together in research studies involving site exploration, hydrology, fingerprinting studies, groundwater and surface water flow and direction measurement, sedimentology, and groundwater pollution. Our service centre employs a geology expert certified by the Board of Geologist Malaysia.

e-TAG MAIN LABORATORIES:

1. *Wavelength Dispersive X-ray (WDXRF)*
2. *Liquid Water Isotope Analyser (LWIA)*

e-TAG SERVICES:

1. *Fingerprinting study using tracer technique*
2. *Environmental studies using the Geophysical method:*
   i. *Electrical Resistivity Imaging – sub-surface geological investigation, groundwater potential/pollution, geological preliminary study (site/dam etc.)*
   ii. *Seismic - geophysical exploration methods using seismological principles to estimate the properties of the earth's subsurface from reflected seismic waves*
3. *Measurement of groundwater/surface water flow and direction (flow rate and velocity)*
4. *Seepage/leakage studies*
5. *Study the causes of pollutants in the environment*
6. *Stable isotope analysis 2H, 17O & 18O (liquid)*
7. *Elemental analysis of substances (liquid or solid)*





NUKLEAR MALAYSIA

MAKMAL RADIOKIMIA DAN ALAM SEKITAR (RAS)

Makmal Radiokimia dan Alam Sekitar (RAS) menyediakan perkhidmatan radioanalisis untuk keperluan agensi kerajaan dan swasta. Makmal RAS mengamalkan QA/QC dan mempunyai prosedur pengurusannya sendiri yang telah ditauliah dengan MS ISO/IEC 17025: 2017 sejak Disember 2005 oleh Jabatan Standard Malaysia bagi skop analisis keradioaktifan gama.

Makmal RAS merupakan makmal kebangsaan yang diluluskan dan diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk melakukan analisis pengukuran keradioaktifan dalam sampel makanan untuk tujuan eksport dan air mineral serta air minuman berbungkus sebagai sebahagian daripada syarat perlesenan KKM.

PERKHIDMATAN RAS:

1. Pengukuran pemancar gama dalam sampel makanan
2. Pengukuran pemancar gama dalam sampel alam sekitar/industri
3. Pengukuran Am-241 dalam pengesan asap
4. Pengukuran gross alfa/beta dalam pelbagai sampel
5. Pengukuran gross alfa/beta dalam *air borne/particulate*', penapis dan '*smear test*'
6. Pengukuran Po-210/Pb-210 dalam pelbagai sampel
7. Pengukuran U-234, U-235 dan U-238 dalam pelbagai sampel
8. Pengukuran Th-228, Th-230 dan Th-232 dalam pelbagai sampel
9. Pengukuran Pu-239+240 dalam pelbagai sampel
10. Pengukuran H-3 dalam air/ais
11. Pengukuran Sr-90 dalam pelbagai sampel

PERALATAN UTAMA:

1. Sistem Spektrometri Gama
2. Sistem Pembilang Gros Alfa/Gros Beta
3. Sistem Spektrometri Alfa
4. Sistem Pembilang Sintilasi Cecair



STANDARDS MALAYSIA

Certificate of Accreditation

RADIOCHEMISTRY AND ENVIRONMENT LABORATORY (RAS)
MALAYSIAN NUCLEAR AGENCY (NUCLEAR MALAYSIA)
KAJANG, SELANGOR
MALAYSIA

Sijil Akreditasi MS ISO/IEC 17025:2017

MS ISO/IEC 17025:2017 Accreditation Certificate







Norfaizal bin Mohamed
Pengurus Pusat Khidmat RAS
(Manager, RAS Service Centre)
norfaizal@nm.gov.my
+6019-2761 914

RADIOCHEMISTRY AND ENVIRONMENT LABORATORY (RAS)

Radiochemistry and Environment Laboratory (RAS) offers internal and external clients radiochemical analysis services. RAS laboratory practices its own QA/QC and management procedures. It has been accredited with MS ISO/IEC 17025:2017 since 2005 by the Department of Standards Malaysia for gamma radioactivity analysis scope.

RAS laboratory is a national laboratory approved by the Malaysian Ministry of Health (MOH) to conduct radioactivity measurement analysis samples for export purposes and mineral water as well as bottled drinking water as part of the MOH's licensing requirement.

RAS SERVICES:

1. *Measurement of gamma emitters in food samples*
2. *Measurement of gamma emitters in environmental/industrial samples*
3. *Measurement of Am-241 in smoke detector*
4. *Measurement of gross alpha/beta in various samples*
5. *Measurement of gross alpha/beta in airborne/ particulate, filter, and smear test*
6. *Measurement of Po-210 / Pb-210 in various samples*
7. *Measurement of U-234, U-235 and U-238 in various samples*
8. *Measurement of Th-228, Th-230 and Th-232 in various samples*
9. *Measurement of Pu-239+240 in various samples*
10. *Measurement of H-3 in water/ice*
11. *Measurement of Sr-90 in various samples*

MAIN INSTRUMENT:

1. *Gamma Spectrometry System*
2. *Gross Alpha/Gross Beta Counting System*
3. *Alpha Spectrometry System*
4. *Liquid Scintillation Counter*







NUKLEAR MALAYSIA

KUMPULAN *NON-IONIZING RADIATION* (NIR)

Sinaran Tidak Mengion (NIR) adalah radiasi bertenaga rendah, di mana spektrumnya meliputi radiasi frekuensi lampau rendah (*Extremely Low Frequency* - ELF), frekuensi radio (RF), sinaran inframerah, cahaya nampak, laser (*Light Amplification by Stimulated Emission of Radiation*) dan ultra-ungu (UV).

Kumpulan NIR bertanggungjawab untuk menyediakan khidmat sokongan teknikal dan kepakaran berkaitan NIR kepada sektor industri, agensi-agensi kerajaan dan orang awam. Kumpulan NIR juga menawarkan penilaian keselamatan, khidmat nasihat, kursus, latihan dan perkhidmatan dalam Sinaran Tidak Mengion (NIR) dari julat ELF sehingga UV.

Kumpulan NIR telah diakreditasikan dengan MS ISO/IEC 17020 untuk Penilaian Keselamatan Frekuensi Radio (RF).

KEMUDAHAN MAKMAL:

1. Makmal Frekuensi Radio (RF) & Gelombang Mikro
2. Makmal Frekuensi Lampau Rendah (ELF)
3. Makmal *Ultraviolet* & LASER

PERKHIDMATAN NIR:


1. Penilaian Keselamatan Sinaran Tidak Mengion (NIR) meliputi ELF, RF, LASER & UV.
2. Penilaian Keselamatan Sinaran Tidak Mengion (ELF, RF, LASER & UV) Barangan Pengguna.
3. Projek Kerjasama dengan Syarikat dalam Bidang Keselamatan NIR.
4. Program Kesedaran Awam & Pembangunan kapasiti.


STANDARDS MALAYSIA

Certificate of Accreditation

Sijil Akreditasi MS ISO/IEC 17020


MS ISO/IEC 17020 Accreditation Certificate













Ts. Shamesh Raj Parthasarathy
Pengurus Pusat Khidmat NIR
(Manager, NIR Service Centre)
shamesh@nm.gov.my
+6019-2053 287

NON-IONISING RADIATION LABORATORY (NIR)

Non-Ionising Radiation (NIR) is a low-energy radiation, in which the spectrum covers the Extremely Low Frequency (ELF) radiation, Radio Frequency (RF), Infrared, Visible Light, LASER (Light Amplification by Stimulated Emission of Radiation) and Ultraviolet (UV).

NIR Group provides NIR-related technical support services and expertise to industries, government agencies, and the public. The NIR Group also offers technical safety assessments, consultation services, training, courses and services in Non-Ionizing Radiation within the ELF to UV range.

The NIR group has been accredited with the MS ISO/IEC 17020 for Radio Frequency safety assessment.


LABORATORY FACILITIES:

1. *Radiofrequency & Microwave (RF & MW) Lab*
2. *Extremely Low Frequency (ELF) Lab*
3. *Ultraviolet & LASER Lab*

NIR SERVICES:

1. *NIR Safety Assessment comprised of ELF, RF, LASER and UV.*
2. *NIR safety assessment (ELF, RF, LASER and UV) on consumer products.*
3. *Collaboration Projects with companies in the field of Non-Ionizing Radiation (NIR).*
4. *Public Awareness Program and Capacity Building.*







NUKLEAR MALAYSIA

MAKMAL TEKNOLOGI SINARAN (MTS)

Makmal Teknologi Sinaran (MTS) merupakan makmal yang menawarkan kaedah analisia yang boleh dipercayai bagi pencirian bahan dan getah kepada pengguna akademik dan industri. Makmal ini dilengkapi dengan peralatan termoden bagi kerja-kerja pencirian bahan termasuk kajian sifat terma, sifat kimia, sifat fizik dan sifat mekanik. Makmal ini juga menawarkan perkhidmatan rundingan bagi penyediaan sampel penyelidikan berasaskan adunan polimer, sintesis produk baharu, penyediaan bahan nano dan demonstrasi kaedah penggunaan sinaran bagi tujuan modifikasi bahan.

PERKHIDMATAN MTS

1. **Khidmat sewaan alat bagi penyediaan sampel berasaskan polimer**
   - Mesin Pengadun/ Pemampat/ Penyemperit/ Pengacuan/ Tangki Pencampur biopolimer/ Reaktor sintesis resin
2. **Khidmat Pencirian Sifat Kimia Bahan**
   - Spektroskopi Infra-Merah Transformasi Fourier (FTIR)/ Resonan Putaran Elektron (ESR)
3. **Khidmat Pencirian Sifat Terma Bahan**
   - Analisa Termogravimetri (TGA) / Analisa Kalorimetri Pengimbas Perbezaan (DSC)
4. **Khidmat Pencirian Sifat Fizikal dan Mekanikal Bahan**
   - Analisa Reologi/ Kelikatan/ Daya lebur/ Kekerasan Bahan/ Regangan/ Mampatan/ Lenturan/ Hentaman/ Mekanik-Dinamik/ Medan Magnet Bergetar (VSM)/ Pembelauan Sinar-X (XRD)
5. **Khidmat Pencirian Morfologi dan Permukaan Sampel Bahan**
   - Analisa Sudut Sesentuh Optikal/ Keporosan Permukaan/ Mikroskopi Daya Atom (AFM)
6. **Khidmat Pencirian Sifat Keterlarutan Cecair**
   - Analisa Berat Molekul Polimer (GPC-MALLS)/ Daya keupayaan zeta/ Taburan saiz partikel
7. **Khidmat Analisa Kegagalan Bahan (Polimer/Getah)**
8. **Khidmat Rundingan bagi Teknik Penghasilan Polimer dan Teknik Penghasilan Bahan menggunakan Sinaran**







Ts. Dr. Naurah binti Mat Isa
Pengurus Pusat Khidmat MTS
(Manager, MTS Service Centre)
naurah@nm.gov.my
+6012-6638 674

RADIATION TECHNOLOGY LABORATORY (MTS)

